Nama Akhbar	Kod Cerpen	Jumlah Pemindahan Leksis B.Ingggeris	Pengimportan					
			Pinjaman Tulen (Pure loan-word)	Peratus	Pinjaman kacukan (Loan blends)	Peratus	Jumlah Pemindahan Leksis pengimportan	Peratus
Malaysia Namban	MN1	17	3	17.65	11	64.71	14	82.35
	MN2	6	1	16.67	3	50.00	4	66.67
	MN3	11	4	36.36	4	36.36	8	72.73
	MN4	7	2	28.57	5	71.43	7	100.00
	MN5	2	0	0.00	2	100.00	2	100.00
	MN6	14	3	21.43	10	71.43	13	92.86
	MN7	8	1	12.50	7	87.50	8	100.00
	MN8	13	4	30.77	8	61.54	12	92.31
	MN9	1	0	0.00	1	100.00	1	100.00
	MN10	0	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	MN11	8	2	25.00	5	62.50	7	87.50
	MN12	10	1	10.00	8	80.00	9	90.00
	MN13	13	9	69.23	3	23.08	12	92.31
	MN14	17	5	29.41	9	52.94	14	82.35
	MN15	24	10	41.67	9	37.50	19	79.17
	MN16	31	18	58.06	13	41.94	31	100.00
	MN17	20	4	20.00	14	70.00	18	90.00
	MN18	2	2	100.00	0	0.00	2	100.00
	MN19	11	6	54.55	3	27.27	9	81.82
	MN20	15	7	46.67	5	33.33	12	80.00
	MN21	14	8	57.14	4	28.57	12	85.71
	MN22	7	3	42.86	1	14.29	4	57.14
	MN23	3	2	66.67	0	0.00	2	66.67
	MN24	10	7	70.00	2	20.00	9	90.00
	MN25	8	3	37.50	3	37.50	6	75.00

Bersambung...

Sambungan Jadual 4.7

Makkal Osai	MO1	13	4	30.77	9	69.23	13	100.00
	MO2	1	0	0.00	1	100.00	1	100.00
	MO3	5	2	40.00	2	40.00	4	80.00
	MO4	3	0	0.00	2	66.67	2	66.67
	MO5	19	14	73.68	2	10.53	16	84.21
	MO6	1	0	0.00	1	100.00	1	100.00
	MO7	14	5	35.71	7	50.00	12	85.71
	MO8	7	3	42.86	3	42.86	6	85.71
	MO9	6	3	50.00	3	50.00	6	100.00
	MO10	2	1	50.00	0	0.00	1	50.00
	MO11	7	4	57.14	1	14.29	5	71.43
	MO12	4	2	50.00	2	50.00	4	100.00
	MO13	16	6	37.50	6	37.50	12	75.00
	MO14	1	1	100.00	0	0.00	1	100.00
	MO15	3	1	33.33	2	66.67	3	100.00
	MO16	5	3	60.00	0	0.00	3	60.00
	MO17	10	4	40.00	6	60.00	10	100.00
	MO18	16	6	37.50	9	56.25	15	93.75
	MO19	11	6	54.55	2	18.18	8	72.73
	MO20	12	8	66.67	4	33.33	12	100.00
	MO21	1	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	MO22	15	4	26.67	11	73.33	15	100.00
	MO23	2	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	MO24	3	0	0.00	1	33.33	1	33.33
	MO25	1	1	100.00	0	0.00	1	100.00
	MO26	1	0	0.00	1	100.00	1	100.00
	MO27	9	3	33.33	6	66.67	9	100.00
	MO28	5	3	60.00	2	40.00	5	100.00
	MO29	0	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	MO30	4	0	0.00	2	50.00	2	50.00
	MO31	7	3	42.86	2	28.57	5	71.43
	MO32	8	4	50.00	3	37.50	7	87.50
	MO33	1	1	100.00	0	0.00	1	100.00
	MO34	51	33	64.71	18	35.29	51	100.00
	MO35	15	11	73.33	4	26.67	15	100.00
	MO36	50	36	72.00	12	24.00	48	96.00
	MO37	2	1	50.00	1	50.00	2	100.00
	MO38	1	1	100.00	0	0.00	1	100.00
	MO39	10	4	40.00	5	50.00	9	90.00
	MO40	11	2	18.18	2	18.18	4	36.36
	MO41	4	1	25.00	2	50.00	3	75.00
	MO42	6	3	50.00	2	33.33	5	83.33
	MO43	3	2	66.67	1	33.33	3	100.00

Bersambung...

Sambungan Jadual 4.7

Tamil Nesan	TN1	2	0	0.00	2	100.00	2	100.00
	TN2	4	1	25.00	2	50.00	3	75.00
	TN3	8	2	25.00	2	25.00	4	50.00
	TN4	5	0	0.00	4	80.00	4	80.00
	TN5	26	4	15.38	20	76.92	24	92.31
	TN6	32	13	40.63	6	18.75	19	59.38
	TN7	14	5	35.71	8	57.14	13	92.86
	TN8	3	1	33.33	1	33.33	2	66.67
	TN9	7	4	57.14	3	42.86	7	100.00
	TN10	0	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	TN11	15	4	26.67	11	73.33	15	100.00
	TN12	26	13	50.00	11	42.31	24	92.31
	TN13	8	2	25.00	5	62.50	7	87.50
	TN14	7	1	14.29	1	14.29	2	28.57
	TN15	2	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	TN16	4	1	25.00	2	50.00	3	75.00
	TN17	1	0	0.00	1	100.00	1	100.00
	TN18	1	0	0.00	1	100.00	1	100.00
	TN19	32	11	34.38	21	65.63	32	100.00
	TN20	10	5	50.00	2	20.00	7	70.00
	TN21	1	0	0.00	1	100.00	1	100.00
	TN22	3	1	33.33	1	33.33	2	66.67
	TN23	5	2	40.00	2	40.00	4	80.00
	TN24	13	5	38.46	8	61.54	13	100.00
	TN25	14	8	57.14	5	35.71	13	92.86
JUMLAH	881	374	42.45	387	44.15	761	86.38	

Penganalisan data dalam jadual 4.7 memberi satu gambaran yang jelas bahawa pemindahan lexis Inggeris yang paling banyak dan paling kerap berlaku adalah melalui proses pengimportan, iaitu melalui proses pinjaman tulen dan pinjaman kacukan. Sebanyak 86.83 % pinjaman lexis Inggeris ke dalam bahasa Tamil berlaku melalui proses ini. Daripada 881 lexis bahasa Inggeris yang dipindahkan ke dalam cerpen-cerpen Tamil yang dikaji itu, 761 adalah jenis ini. Ini bererti para penulis cerpen lebih gemar melakukan pembauran kod yang mana kata-kata Inggeris yang digunakan dalam cerpen mereka ditulis dengan menggunakan grafen Tamil yang sistem bunyinya hampir-hampir sama dengan sistem bahasa Inggeris. Sebanyak 374

(42.5%) lexis daripada keseluruhan lexis pinjaman ditulis sepenuhnya dengan cara ini ataupun disebut sebagai pinjaman tulen. Manakala 387 (44.2%) lexis daripada keseluruhan lexis pinjaman dapat dikategorikan sebagai pinjaman kacukan yang mana kata Inggeris yang dipinjam itu dikacukkan dengan kata, partikel, awalan atau akhiran Tamil.

b. Kata Pinjaman Terjemahan dan Padanan

Jadual 4.8 menerangkan kekerapan penggunaan kata pinjaman yang terhasil melalui proses penggantian.

Jadual 4.8: Kekerapan Penggunaan Kata Pinjaman Penggantian

Nama Akhbar	Kod Cerpen	Jumlah Pemindahan Leksis B.Inggeris	Penggantian					
			Pinjaman Terjemahan	Peratus	pinjaman padanan	Peratus	Jumlah Pemindahan Leksis Penggantian	Peratus
Malaysia Nnban	MN1	17	3	17.65	0	0.00	3	17.65
	MN2	6	1	16.67	1	16.67	2	33.33
	MN3	11	3	27.27	0	0.00	3	27.27
	MN4	7	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	MN5	2	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	MN6	14	1	7.14	0	0.00	1	7.14
	MN7	8	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	MN8	13	1	7.69	0	0.00	1	7.69
	MN9	1	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	MN10	0	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	MN11	8	1	12.50	0	0.00	1	12.50
	MN12	10	1	10.00	0	0.00	1	10.00
	MN13	13	1	7.69	0	0.00	1	7.69
	MN14	17	2	11.76	1	5.88	3	17.65
	MN15	24	2	8.33	3	12.50	5	20.83
	MN16	31	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	MN17	20	1	5.00	1	5.00	2	10.00
	MN18	2	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	MN19	11	2	18.18	0	0.00	2	18.18
	MN20	15	3	20.00	0	0.00	3	20.00
	MN21	14	1	7.14	1	7.14	2	14.29

Bersambung...

Sambungan Jadual 4.8

	MN22	7	3	42.86	0	0.00	3	42.86
	MN23	3	1	33.33	0	0.00	1	33.33
	MN24	10	1	10.00	0	0.00	1	10.00
	MN25	8	2	25.00	0	0.00	2	25.00
Makkal Osai	MO1	13	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	MO2	1	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	MO3	5	0	0.00	1	20.00	1	20.00
	MO4	3	1	33.33	0	0.00	1	33.33
	MO5	19	3	15.79	0	0.00	3	15.79
	MO6	1	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	MO7	14	2	14.29	0	0.00	2	14.29
	MO8	7	1	14.29	0	0.00	1	14.29
	MO9	6	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	MO10	2	1	50.00	0	0.00	1	50.00
	MO11	7	2	28.57	0	0.00	2	28.57
	MO12	4	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	MO13	16	3	18.75	1	6.25	4	25.00
	MO14	1	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	MO15	3	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	MO16	5	2	40.00	0	0.00	2	40.00
	MO17	10	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	MO18	16	0	0.00	1	6.25	1	6.25
	MO19	11	3	27.27	0	0.00	3	27.27
	MO20	12	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	MO21	1	1	100.00	0	0.00	1	100.00
	MO22	15	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	MO23	2	1	50.00	1	50.00	2	100.00
	MO24	3	1	33.33	1	33.33	2	66.67
	MO25	1	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	MO26	1	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	MO27	9	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	MO28	5	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	MO29	0	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	MO30	4	2	50.00	0	0.00	2	50.00
	MO31	7	0	0.00	2	28.57	2	28.57
	MO32	8	1	12.50	0	0.00	1	12.50
	MO33	1	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	MO34	51	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	MO35	15	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	MO36	50	2	4.00	0	0.00	2	4.00
	MO37	2	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	MO38	1	0	0.00	0	0.00	0	0.00

Bersambung...

Sambungan Jadual 4.8

	MO39	10	1	10.00	0	0.00	1	10.00
	MO40	11	5	45.45	2	18.18	7	63.64
	MO41	4	0	0.00	1	25.00	1	25.00
	MO42	6	0	0.00	1	16.67	1	16.67
	MO43	3	0	0.00	0	0.00	0	0.00
Tamil Nesan	TN1	2	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	TN2	4	1	25.00	0	0.00	1	25.00
	TN3	8	3	37.50	1	12.50	4	50.00
	TN4	5	1	20.00	0	0.00	1	20.00
	TN5	26	2	7.69	0	0.00	2	7.69
	TN6	32	9	28.13	4	12.50	13	40.63
	TN7	14	1	7.14	0	0.00	1	7.14
	TN8	3	0	0.00	1	33.33	1	33.33
	TN9	7	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	TN10	0	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	TN11	15	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	TN12	26	2	7.69	0	0.00	2	7.69
	TN13	8	1	12.50	0	0.00	1	12.50
	TN14	7	3	42.86	2	28.57	5	71.43
	TN15	2	1	50.00	1	50.00	2	100.00
	TN16	4	1	25.00	0	0.00	1	25.00
	TN17	1	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	TN18	1	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	TN19	32	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	TN20	10	2	20.00	1	10.00	3	30.00
	TN21	1	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	TN22	3	1	33.33	0	0.00	1	33.33
	TN23	5	1	20.00	0	0.00	1	20.00
	TN24	13	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	TN25	14	0	0.00	1	7.14	1	7.14
JUMLAH		881	91	10.33	29	3.29	120	13.62

Penganalisan data dalam Jadual 4.8 membuktikan bahawa secara keseluruhannya proses pinjaman lexis Inggeris ke dalam cerpen-cerpen Tamil berlaku pada kadar minimum apabila dibandingkan dengan pinjaman tulen dan pinjaman kacukan. Hanya 120 (13.6%) lexis yang dipinjam daripada keseluruhan lexis pinjaman yang ditemui dalam data kajian ini tergolong ke dalam jenis ini. Apabila diperincikan lagi

120 leksis ini, 91 (10.3%) leksis adalah daripada jenis pinjaman terjemahan dan hanya 29 (3.3%) leksis adalah daripada jenis penggantian padanan. Dengan itu dapat dirumuskan bahawa pinjaman leksis jenis inilah paling kurang ditemui dalam 93 cerpen yang menjadi sumber data kajian ini. Berikut adalah penganalisan terperinci mengenai kekerapan pemindahan leksis mengikut setiap cerpen.

a. Cerpen-cerpen yang mempunyai kekerapan pemindahan leksis antara 2.00% - 2.50%

Berdasarkan analisis deskriptif perangkaan mudah, Jadual 4.9 menunjukkan bahawa hanya dua cerpen sahaja iaitu cerpen MO34 dan MO36 mempunyai kekerapan pinjaman antara 2.00% hingga 2.50%. Pada keseluruhannya jumlah leksis ataupun kata yang terkandung dalam kedua-dua cerpen iaitu MO34 dan MO36 ialah sebanyak 4225. Daripada jumlah ini, sebanyak 101 leksis sahaja iaitu 2.39% adalah leksis bahasa Inggeris yang dipinjam melalui proses pengimportan dan proses penggantian. Jumlah leksis pinjaman tulen dan pinjaman kacukan yang terkandung dalam kedua-dua cerpen ini adalah sebanyak 69 dan 30 masing-masing (Jadual 4.7). Manakala terdapat hanya 2 leksis Inggeris yang dipindahkan secara pinjaman terjemahan dan tiada sebarang leksis pinjaman penggantian (Jadual 4.8).

Jadual 4.9: Cerpen-cerpen dan Kekerapan Pemindahan Antara 2.00% - 2.50%

Kod Cerpen	Jumlah leksis	Jumlah pemindahan leksis bahasa Inggeris	Peratus
MO34	2041	51	2.50
MO36	2184	50	2.29
Jumlah	4225	101	2.39

b. Cerpen-cerpen yang mempunyai kekerapan pemindahan leksis antara 1.50% - 1.99%

Berdasarkan analisis deskriptif perangkaan mudah perangkaan mudah, Jadual 4.10 menunjukkan bahawa hanya enam cerpen sahaja mempunyai kekerapan pinjaman antara 1.50% hingga 1.99%. Cerpen-cerpen tersebut ialah MN16, TN6, MO20, MN14, MN20 dan MO13. Pada keseluruhannya jumlah leksis ataupun kata yang terkandung dalam keenam-enam cerpen tersebut adalah sebanyak 6956. Daripada jumlah ini, sebanyak 123 leksis sahaja iaitu 1.77% adalah leksis bahasa Inggeris yang dipindahkan melalui proses pengimportan dan proses penggantian. Proses pengimportan pula boleh dibahagikan kepada jenis pinjaman tulen dan pinjaman kacukan. Sebanyak 57 leksis dapat dikategorikan sebagai pinjaman tulen dan 43 leksis sebagai pinjaman kacukan (Jadual 4.7). Manakala pemindahan leksis penggantian disub-kategorikan lagi kepada jenis pinjaman terjemahan dan pinjaman padanan. Keenam-enam cerpen ini mengandungi 17 leksis jenis pinjaman terjemahan dan 6 leksis jenis pinjaman padanan (Jadual 4.8).

Jadual 4.10: Cerpen-cerpen dan Kekerapan Pemindahan Antara 1.50% - 1.99%

Kod Cerpen	Jumlah leksis	Jumlah pemindahan leksis Bahasa Inggeris	Peratus
MN16	1596	31	1.94
TN6	1672	32	1.91
MO20	660	12	1.82
MN14	1044	17	1.63
MN20	924	15	1.62
MO13	1060	16	1.51
Jumlah	6956	123	1.77

c) Cerpen-cerpen yang mempunyai kekerapan pemindahan leksis antara 1.00% - 1.49%

Berdasarkan analisis deskriptif perangkaan mudah, Jadual 4.11 menunjukkan bahawa hanya sebelas cerpen sahaja mempunyai kekerapan pinjaman antara 1.00% hingga 1.49%. Cerpen-cerpen tersebut ialah TN5, TN12, MN21, TN19, MO7, MN13, MN1, MO3, TN7, MN6 dan MO5. Pada keseluruhannya jumlah leksis ataupun kata yang terkandung dalam kesemua sebelas cerpennya ialah sebanyak 15502. Daripada jumlah ini, sebanyak 194 leksis sahaja iaitu 1.25% adalah leksis bahasa Inggeris yang dipindahkan melalui proses pengimportan dan proses penggantian. Proses pengimportan pula dibahagikan kepada pinjaman tulen dan pinjaman kacukan yang masing-masingnya mempunyai 77 leksis dan 99 leksis (Jadual 4.7). Manakala proses penggantian pula dibahagikan kepada pinjaman terjemahan dan pinjaman padanan

yang mana setiap jenis itu mempunyai 16 leksis dan 2 leksis masing-masing (Jadual 4.8).

Jadual 4.11: Cerpen-cerpen dan Kekerapan Pemindahan Antara 1.00% -1.49%

Kod Cerpen	Jumlah leksis	Jumlah pemindahan leksis Bahasa Inggeris	Peratus
TN5	1760	26	1.48
MN21	960	14	1.46
TN12	1840	26	1.41
TN19	2541	32	1.26
MO7	1152	14	1.22
MN13	1071	13	1.21
MN1	1440	17	1.18
MO3	450	5	1.11
TN7	1260	14	1.11
MN6	1260	14	1.11
MO5	1768	19	1.07
Jumlah	15502	194	1.25

d) Cerpen-cerpen yang mempunyai kekerapan pemindahan leksis antara 0.50% - 0.99%

Berdasarkan analisis deskriptif perangkaan mudah, Jadual 4.12 menunjukkan bahawa 25 cerpen mempunyai kekerapan pinjaman antara 0.50% hingga 0.99%.

Cerpen-cerpen tersebut ialah MN17, TN11, TN3, MN8, MO18, MN15, MO40, MN3, MO31, MO35, MN7, MN19, MN24, MN12, MO39, TN24, MO1, TN25, MO4, TN2, MN4, MO19, MO28, TN20 dan MN11. Pada keseluruhannya jumlah leksis ataupun kata yang terkandung dalam kesemua 25 cerpen ialah sebanyak 37216. Daripada jumlah ini, sebanyak 277 leksis sahaja iaitu 0.74% adalah leksis bahasa Inggeris yang dipindahkan melalui proses pengimportan dan proses penggantian. Proses pengimportan pula dibahagikan kepada pinjaman tulen dan pinjaman kacukan yang masing-masingnya mempunyai 105 leksis dan 132 leksis (Jadual 4.7). Manakala proses penggantian pula dibahagikan kepada pinjaman terjemahan dan pinjaman padanan yang mana setiap jenis itu mempunyai 28 leksis dan 12 leksis masing-masing (Jadual 4.8).

Jadual 4.12: Cerpen-cerpen dan Kekerapan Pemindahan Antara 0.50% -0.99%

Kod Cerpen	Jumlah leksis	Jumlah pemindahan leksis Bahasa Inggeris	Peratus
MN17	2016	20	0.99
TN11	1584	15	0.95
TN3	888	8	0.90
MN8	1472	13	0.88
MO18	1855	16	0.86
MN15	2800	24	0.86
MO40	1295	11	0.85

Bersambung...

Sambungan Jadual 4.12

MN3	1300	11	0.85
MO31	843	7	0.83
MO35	1856	15	0.81
MN7	1040	8	0.77
MN19	1440	11	0.76
MN24	1324	10	0.76
MN12	1368	10	0.73
MO39	1400	10	0.71
TN24	1856	13	0.70
MO1	1952	13	0.67
TN25	2128	14	0.66
MO4	475	3	0.63
TN2	673	4	0.59
MN4	1212	7	0.58
MO19	2040	11	0.54
MO28	936	5	0.53
TN20	1912	10	0.52
MN11	1551	8	0.52
Jumlah	37216	277	0.74

e) Cerpen-cerpen yang mempunyai kekerapan pemindahan leksis antara 0.00% - 0.49%

Berdasarkan analisis deskriptif perangkaan mudah, Jadual 4.13 menunjukkan bahawa 49 cerpen mempunyai kekerapan pinjaman antara 0.00% hingga 0.49%. Cerpen-cerpen tersebut ialah MO22, MN25, MO30, TN13, MO8, MO17, MO16, MO27, MN22, TN4, MO11, MO42, TN16, MO9, TN14, MN2, TN9, MO32, TN23, MN5, MO10, N23, TN8, MO12, MO43, MO41, MO6, TN1, TN15, MN18, TN22, MO15, MO37, MO2, MN9, MO38, MO23, MO24, MO21, MO14, TN18, TN21, TN17, MO25, MO26, MO33, MN10, MO29 dan TN 10. Pada keseluruhannya jumlah leksis ataupun kata yang terkandung dalam kesemua 49 cerpen ialah sebanyak 82950. Daripada jumlah ini, sebanyak 186 leksis sahaja iaitu 0.22% adalah leksis bahasa Inggeris yang dipindahkan melalui proses pengimportan dan proses penggantian. Proses pengimportan pula dibahagikan kepada pinjaman tulen dan pinjaman kacukan yang masing-masing mempunyai 66 leksis dan 83 leksis (Jadual 4.7). Manakala proses penggantian yang dibahagikan kepada pinjaman terjemahan dan pinjaman padanan masing-masing mempunyai 28 leksis dan 9 leksis (Jadual 4.8).

Jadual 4.13: Cerpen-cerpen dan Kekerapan Pemindahan Antara 0.00% -0.49%

Kod Cerpen	Jumlah leksis	Jumlah pemindahan leksis Bahasa Inggeris	Peratus
MO22	3040	15	0.49
MN25	1716	8	0.47

Bersambung...

Sambungan Jadual 4.13

MO30	858	4	0.47
TN13	1728	8	0.46
MO8	1624	7	0.43
MO17	2340	10	0.43
MO16	1304	5	0.38
MO27	2411	9	0.37
MN22	2016	7	0.35
TN4	1476	5	0.34
MO11	2080	7	0.34
MO42	1836	6	0.33
TN16	1224	4	0.33
MO9	1920	6	0.31
TN14	2304	7	0.30
MN2	2032	6	0.30
TN9	2400	7	0.29
MO32	2743	8	0.29
TN23	1734	5	0.29
MN5	704	2	0.28
MO10	720	2	0.28
MN23	1144	3	0.26
TN8	1295	3	0.23
MO12	1872	4	0.21

Bersambung...

Sambungan Jadual 4.13

MO43	1512	3	0.20
MO41	2160	4	0.19
MO6	592	1	0.17
TN1	1248	2	0.16
TN15	1260	2	0.16
MN18	1280	2	0.16
TN22	1995	3	0.15
MO15	2007	3	0.15
MO37	1470	2	0.14
MO2	748	1	0.13
MN9	756	1	0.13
MO38	840	1	0.12
MO23	1792	2	0.11
MO24	2688	3	0.11
MO21	912	1	0.11
MO14	1053	1	0.09
TN18	1144	1	0.09
TN21	1836	1	0.05
TN17	2520	1	0.04
MO25	2532	1	0.04
MO26	2731	1	0.04

Bersambung...

Sambungan Jadual 4.13

MO33	2811	1	0.04
MN10	1184	0	0.00
MO29	1350	0	0.00
TN10	2008	0	0.00
Jumlah	82950	186	0.22

4.4 Penganalisan Data yang dikumpulkan melalui Soal Selidik

Soal-selidik Bahagian A mengandungi 7 item yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat asas latar belakang para penulis cerpen yang menjadi responden kajian ini. Item-item tersebut adalah mengenai umur, kelayakan akademik tertinggi, kelayakan bahasa Tamil tertinggi, pekerjaan bahasa pertuturan di rumah, pengalaman menulis cerpen dan bilangan cerpen yang ditulis (Lampiran 5).

Jadual 4.14: Menjelaskan penganalisan data secara keseluruhan bagi item 1 hingga 5 dalam soal selidik.

Jadual 4.14: Maklumat Asas Penulis secara keseluruhan bagi Item 1-5

No.Item	Pernyataan		Pengalaman penulisan cerpen lebih dari 10 tahun. (Nombor responden)	Pengalaman penulisan cerpen kurang dari 10 tahun. (Nombor responden)
1	Umur	18-40	Tiada	1,2 dan 8
		41-70	1 hingga 8 (semua responden)	3,4,5,6 dan 7
2	Kelayakan Akademik Tertinggi	SRP	Tiada	Tiada
		SPM	1,4 dan 5	2,3,4 dan 7
		STPM	2 dan 8	1
		Diploma	Tiada	5 dan 8
		Sarjana Muda	3 dan 7	Tiada
		Sarjana	Tiada	6
3	Kelayakan Bahasa Tamil Tertinggi	SRP	Tiada	Tiada
		SPM	1,4 dan 5	2,3,4 dan 7
		STPM	2,8	1,5 dan 8
		Uni	3,6 dan 7	6
4	Pekerjaan	Awam	3	1,7 dan 8
		Swasta	1,2,4,5 dan 8	2,3,4 dan 5
		Bersara	6 dan 7	Tiada
		Lain-lain	Tiada	6
5	Bahasa Pertuturan di rumah	B.Tamil	1 hingga 8 (semua responden)	2,3,5,7 dan 8
		B.Inggeris	Tiada	4
		B.T & B.I	Tiada	1 dan 6

Penganalisan data secara terperinci bagi item 1 hingga 5 dijelaskan seterusnya.

4.4.1 Umur Penulis (Item 1)

Sebanyak 16 penulis cerpen telah dijadikan responden kajian ini. Antara penulis-penulis cerpen tersebut 8 (50%) penulis adalah mereka yang mempunyai pengalaman menulis lebih dari 10 tahun dan 8 (50%) penulis lagi mempunyai pengalaman menulis kurang dari 10 tahun. Selain itu, 8 penulis (50%) adalah mereka yang berumur antara 18- 40 tahun dan 8 penulis (50%) lagi berumur antara 41 -70 tahun (Jadual 4.14).

Tujuan persampelan ini sengaja dilakukan untuk mengetahui pendapat para penulis mengenai penggunaan lexis bahasa Inggeris dalam cerpen-cerpen yang telah mereka tulis atau hasilkan. Didapati bahawa pendapat penulis tua atau berpengalaman adalah berbeza dengan pendapat penulis yang muda atau kurang berpengalaman.

Jadual 4.15, menunjukkan dua lingkungan umur yang berbeza para penulis yang menjadi responden kajian adalah seperti berikut:

Jadual 4.15: Umur Responden

Umur	Bilangan
18-40	3
41-70	13
Jumlah	16

Daripada jadual 4.15 di atas, dapat dirumuskan bahawa seramai 13 responden ataupun 81% penulis adalah golongan tua. Hanya 19% daripada responden adalah golongan muda.

4.4.2 Kelayakan Akademik Tertinggi Penulis (Item 2)

Kelayakan akademik tertinggi para penulis yang menjadi responden kajian adalah seperti berikut:

Jadual 4.16: Kelayakan Akademik Tertinggi Responden

Peringkat Akademik	Bilangan (%)
SRP	- (00.0)
SPM	7 (43.8)
STPM	3 (18.8)
Diploma	2 (12.5)
Sarjana Muda	2 (12.5)
Sarjana	1 (6.2)
Ph.D	1 (6.2)
Jumlah	16 (100)

Daripada jadual 4.16 dapat dirumuskan bahawa meyoriti responden (62.6%) hanya memiliki kelayakan akademik tertinggi pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Hanya 37.5% daripada 16 responden kajian ini memiliki kelulusan akademik tertinggi pada peringkat diploma, sarjana muda, sarjana dan kedoktoran.

4.4.3 Kelayakan Bahasa Tamil Tertinggi Responden (Item 3)

Kelayakan bahasa Tamil tertinggi para responden kajian ini adalah seperti berikut:

Jadual 4.17: Kelayakan Bahasa Tamil Tertinggi Responden

Peringkat Pengkajian Bahasa Tamil	Bilangan (%)
PMR	- (0.0)
SPM	7 (43.8)
STPM	5 (31.2)
Universiti	4 (25.0)
Jumlah	16 (100)

Daripada jadual 4.17 di atas, dapat dirumuskan bahawa seramai 12 responden ataupun 75.0% penulis hanya memiliki kelayakan bahasa Tamil tertinggi pada peringkat SPM dan STPM. Hanya 25.0% daripada responden memiliki kelayakan bahasa Tamil tertinggi pada peringkat universiti. Dapatan kajian ini memberi gambaran yang jelas kepada kita bahawa kebanyakan penulis cerpen Tamil hanya memiliki kelayakan bahasa Tamil yang asas sahaja. Ini kerana pengajaran bahasa Tamil pada peringkat sekolah menengah hanya dilakukan sebagai salah satu mata pelajaran pilihan. Dapatan kajian tidak boleh digeneralisasikan bagi keseluruhan penulis cerpen di Malaysia. Kajian meluas yang melibatkan lebih ramai penulis cerpen akan memberi gambaran yang sebenarnya.

4.4.4 Pekerjaan Responden (Item 4)

Maklumat mengenai responden kajian diperoleh untuk melihat sama ada mereka menjadi penulis sepenuh masa atau tidak. Jadual berikut menerangkan pekerjaan para responden.

Jadual 4.18: Pekerjaan Para Penulis

Pekerjaan	Bilangan (%)
Penulis sepenuh masa	0 (0.0)
Sektor Awam	4 (25.0)
Sektor Swasta	9 (56.3)
Bersara	2 (12.5)
Lain-lain	1 (6.2)
Jumlah	16 (100)

Daripada Jadual 4.18, dapat dirumuskan bahawa tidak ada seorangpun penulis sepenuh masa yang berkecimpung dalam dunia kesusasteraan Tamil di Malaysia. Kemungkinan besar hanya 2 penulis yang telah bersara (12.5%) dapat memperuntukkan lebih banyak masa dalam menghasilkan karya sastera mereka. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa mungkin majoriti menulis cerpen Tamil di Malaysia hanya menghasilkan karya sastera genre ini secara sambilan sahaja. Walau bagaimanapun dapatan ini tidak boleh digeneralisasikan bagi keseluruhan komuniti penulis di Malaysia.

4.4.5 Bahasa Pertuturan Responden di Rumah (Item 5)

Bahasa pertuturan para penulis cerpen dikaji untuk melihat sama ada mereka menggunakan lebih daripada satu bahasa dalam kehidupan seharian. Hal ini kerana kebolehan menggunakan lebih daripada satu bahasa oleh penulis akan mempengaruhi penulisan mereka. Lebih-lebih lagi apabila seseorang penulis ingin mewujudkan latar multilingual yang sebenar dalam cerpennya. Keadaan ini sudah tentu akan menonjolkan realiti pertuturan masyarakat multilingual di Malaysia.

Untuk melihat kumpulan penulis cerpen Tamil yang manakah menggunakan bahasa Inggeris di rumah, maka para responden dibahagikan mengikut pengalaman penulisan cerpen mereka, iaitu mereka yang berpengalaman lebih daripada 10 tahun dan mereka yang berpengalaman kurang daripada 10 tahun. Jadual 4.19 menerangkan bahasa pertuturan penulis di rumah.

Jadual 4.19: Bahasa Pertuturan Penulis di Rumah

Bahasa Pertuturan di rumah	Bilangan (%)		Jumlah (%)
	Pengalaman Penulisan lebih daripada 10 tahun	Pengalaman Penulisan kurang daripada 10 tahun	
Bahasa Tamil	8 (100%)	5 (62.5%)	13 (81.3%)
Bahasa Inggeris	- (0.0%)	1 (12.5%)	1 (6.3%)
Bahasa Tamil & Bahasa Inggeris	- (0.0%)	2 (25.0%)	2 (12.4%)

Daripada jadual di atas, dapat dirumuskan bahawa kesemua 8 (100%) responden yang berpengalaman menulis cerpen Tamil lebih daripada 10 tahun, tidak menggunakan bahasa Inggeris dalam perbualan harian mereka di rumah. Mereka hanya menggunakan bahasa Tamil. Satu lagi perkara yang ditemui ialah kesemua responden berpengalaman ini terdiri daripada mereka yang berumur lebih daripada 40 tahun (Jadual 4.14, Item 1).

Manakala 5 penulis cerpen Tamil yang pengalaman menulis kurang daripada 10 tahun dan umur kurang daripada 40 tahun didapati hanya menggunakan bahasa Tamil di rumah. Seorang (6.25%) daripada 8 orang penulis cerpen yang pengalaman penulisannya kurang daripada 10 tahun dan umurnya kurang daripada 40 tahun didapati menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya di rumah bagi tujuan pertuturan. Selain itu, 2 (25.0%) penulis kategori ini menggunakan kedua-dua bahasa Tamil dan Inggeris bagi tujuan komunikasi di rumah.

Selain penganalisan data di atas dapat disimpulkan bahawa golongan penulis cerpen Tamil yang pengalaman menulis lebih daripada 10 tahun dan umur lebih daripada 40 tahun lebih banyak menggunakan bahasa Tamil dalam kehidupan harian berbanding penulis cerpen Tamil yang kurang berpengalaman dan lebih muda. Oleh itu penulis muda dan yang kurang berpengalaman mungkin lebih cenderung untuk menggunakan lexis Inggeris dalam cerpen mereka.

4.4.6 Pengalaman dan Bilangan Cerpen yang ditulis (Item 6 dan 7)

Data bagi item 6 dan 7, dalam soal selidik, iaitu mengenai pengalaman dan bilangan cerpen yang ditulis, telah dianalisis dan dipersembahkan dalam Jadual 4.20.

Jadual 4.20: Pengalaman dan Bilangan Cerpen yang ditulis

Pengalaman dalam penulisan cerpen	No. Item	(6)	(7)
	No.Responden	Pengalaman dalam penulisan cerpen (tahun)	Bil. Cerpen yang pernah tulis
Lebih dari 10 tahun	1	17	3 antologi
	2	10	9
	3	10	30
	4	25	≥ 60
	5	13	>120
	6	45	>100
	7	34	≥ 60
	8	40	50
Kurang dari 10 tahun	1	1	1
	2	1	1
	3	2	3
	4	4	6
	5	1	1
	6	3	4
	7	5	30
	8	5	20

Berdasarkan Jadual 4.20, 7 (88%) responden daripada 8 responden mempunyai pengalaman lebih dari 10 tahun dalam bidang penulisan cerpen menulis lebih banyak cerpen berbanding dengan hanya 2 (25%) responden sahaja berpengalaman kurang dari 10 tahun menulis lebih banyak cerpen. Kesemua 9 responden ini menggunakan bahasa Tamil sepenuhnya dalam kehidupan harian dan 5 responden daripada 9 responden tersebut mempunyai kelayakan bahasa Tamil tertinggi di peringkat STPM dan universiti (Lampiran 5).

Daripada penganalisan data di atas dapat disimpulkan bahawa golongan penulis cerpen Tamil yang pengalaman menulisnya lebih daripada 10 tahun, kelayakan bahasa Tamil dan umurnya lebih daripada 40 tahun kurang menggunakan bahasa

Inggeris dalam penulisan mereka berbanding dengan penulis cerpen Tamil yang kurang berpengalaman dan lebih muda. Oleh itu penulis muda dan yang kurang berpengalaman mungkin lebih cenderung untuk menggunakan lexis bahasa Inggeris dalam cerpen mereka.

4.4.7 Kekekapan Penggunaan Perkataan Inggeris dalam Pertuturan Harian

(Item 8)

Penganalisan secara detail mengikut respon setiap responden bagi item 8 hingga 12 dipaparkan dalam Lampiran 6. Walau bagaimanapun penganalisan secara berasingan bagi item setiap item dibandingkan seterusnya.

Berikut adalah analisis kekerapan penggunaan perkataan Inggeris dalam pertuturan harian dalam kalangan penulis cerpen. Tujuan item ini adalah untuk mengetahui sama ada responden kajian yang juga merupakan penulis cerpen, kerap menggunakan kata-kata Inggeris dalam pertuturan harian mereka dan jika menggunakan, mengapa digunakan.

**Jadual 4.21: Kekerapan Penggunaan Perkataan Inggeris dalam Pertuturan
Harian oleh Penulis**

Kekerapan	Bilangan (%)		Jumlah (%)
	Pengalaman Penulisan lebih daripada 10 tahun	Pengalaman Penulisan kurang daripada 10 tahun	
Selalu	1 (12.5%)	5 (62.5%)	6 (37.5%)
Kadang-kadang	5 (62.5%)	3 (37.5%)	8 (50.0%)
Tidak pernah	2 (25.0%)	0 (0%)	2 (12.5%)

Didapati daripada golongan penulis yang pengalamannya lebih daripada 10 tahun 5 orang (62.5%) kadang-kadang sahaja menggunakan perkataan bahasa Inggeris dalam pertuturan harian mereka. Hanya seorang sahaja (12.5%) dalam kumpulan ini yang didapati selalu menggunakan perkataan bahasa Inggeris dalam pertuturan harian. Manakala 2 orang (25.0%) mengaku bahawa mereka tidak pernah menggunakan perkataan bahasa Inggeris dalam pertuturan harian mereka.

Apabila dianalisis sebab penggunaan perkataan bahasa Inggeris dalam pertuturan mereka (Lampiran 6), 3 (37.5%) daripada 8 orang penulis cerpen yang pengalaman lebih daripada 10 tahun, mengakui bahawa mereka menggunakan perkataan bahasa Inggeris dalam situasi terdesak yang mana tiada pilihan lain. Manakala 2 (25.0%) orang penulis mengakui penggunaan kata-kata Inggeris dalam pertuturan harian mereka adalah suatu kebiasaan. Selain itu, seorang (12.5%) mengaku bahawa beliau hanya menggunakan bahasa Inggeris semasa bertutur dengan orang-orang yang bertutur dalam bahasa tersebut.

5 orang (62.5%) penulis yang berpengalaman kurang daripada 10 tahun didapati selalu menggunakan kata-kata Inggeris dalam pertuturan harian mereka. Manakala 3 orang (37.5%) hanya kadang-kadang menggunakan kata-kata Inggeris dalam pertuturan mereka. Apabila dianalisis sebab penggunaan (Lampiran 6), 2 orang (25.0%) menerangkan bahawa sudah menjadi kebiasaan bagi mereka untuk menggunakan kata-kata Inggeris dalam perbualan harian mereka. Manakala 2 orang (25.0%) lagi memberi sebab bahawa bahasa Inggeris adalah bahasa komunikasi utama di rumah. Selain itu, 4 orang (50.0%) menerangkan bahawa bahasa Inggeris digunakan dalam konteks yang sangat diperlukan supaya orang yang berbual tidak terasa terasing.

Apabila dibandingkan kedua-dua golongan penulis, penulis-penulis yang pengalamannya kurang daripada 10 tahun ataupun penulis muda didapati lebih banyak menggunakan kata-kata Inggeris atau lebih banyak menggunakan bahasa Inggeris bagi tujuan komunikasi dalam kehidupan harian mereka. Ini menunjukkan bahawa mereka lebih banyak terpengaruh dengan bahasa Inggeris. Pengaruh bahasa Inggeris juga mungkin menjadi sebab utama mengapa para penulis suka menggunakan kata-kata Inggeris dalam karya sastera yang mereka hasilkan.

4.4.8 Pandangan Penulis mengenai Penggunaan Leksis Inggeris dalam Cerpen

Tamil (Item 9)

Berikut adalah analisis mengenai pandangan responden sendiri sebagai seorang penulis cerpen mengenai penggunaan leksis Inggeris dalam cerpen Tamil. Tujuan item ini adalah untuk mengetahui sama ada para penulis bersetuju atau tidak dengan penggunaan leksis Inggeris dalam karya sastera Tamil, iaitu cerpen.

Jadual 4.22: Pandangan Penulis mengenai Penggunaan Leksis Inggeris dalam Cerpen Tamil

Persepsi	Bilangan (%)		Jumlah (%)
	Pengalaman Penulisan lebih daripada 10 tahun	Pengalaman Penulisan kurang daripada 10 tahun	
Sangat Baik	-	-	0 (0.0%)
Baik	5 (62.5%)	5 (62.5%)	10 (62.5%)
Kurang Baik	2 (25.0%)	3 (37.5%)	5 (31.3%)
Tidak Baik	1 (12.5%)	-	1 (6.2%)

Menurut Jadual 4.22, majoriti penulis (62.5%) yang berpengalaman lebih daripada 10 tahun mempunyai persepsi bahawa penggunaan leksis Inggeris dalam cerpen Tamil adalah baik. Hanya 2 orang (25.0%) penulis menyatakan bahawa fenomena ini merupakan sesuatu yang kurang baik dan seorang (12.5%) menyatakan fenomena ini tidak baik. Antara sebab penggunaan leksis Inggeris yang dinyatakan (Lampiran 6) ialah untuk mewujudkan situasi sebenar dalam cerpen dan digunakan apabila tiada leksis yang sesuai melainkan leksis Inggeris untuk menimbulkan impak dalam cerita, tetapi harus digunakan secara terkawal.

Bagi golongan penulis yang berpengalaman kurang daripada 10 tahun, majoritinya (62.5%) juga berpendapat bahawa penggunaan leksis Inggeris dalam cerpen Tamil adalah baik. Hanya 3 orang (37.5%) penulis berpendapat bahawa fenomena ini adalah sesuatu yang kurang baik. Antara sebab penggunaan leksis Inggeris dalam cerpen Tamil yang dinyatakan oleh mereka ialah (Lampiran 6) bagi menghidupkan realiti perjalanan cerita serta mesej yang hendak disampaikan melalui cerpen menjadi

lebih jelas. Mereka juga berpendapat bahawa penggunaan lexis bahasa Inggeris harus dilakukan hanya pada situasi-situasi yang tidak dapat dielakan dan tidak menggunakan secara sengaja pada situasi yang tidak diperlukannya.

Apabila membandingkan kedua-dua golongan penulis ini, didapati pandangan atau persepsi mereka hampir-hampir sama mengenai penggunaan lexis Inggeris dalam cerpen Tamil. Walaupun majoriti penulis (62.5%) berpendapat fenomena ini merupakan sesuatu yang baik bagi menghidupkan realiti perjalanan cerita tetapi harus dihadkan sebaik mungkin. Ini bererti mereka tidak mahu menggunakan lexis Inggeris dalam cerpen Tamil secara sewenang-wenang tetapi hanya menggunakan pada situasi-situasi terdesak untuk memelihara kerealitian dalam karya sastera.

4.4.9 Pengakuan Penggunaan kata Inggeris dalam Cerpen Tamil oleh Responden (Item 10)

Berikut adalah analisis mengenai sama ada para penulis cerpen menggunakan lexis Inggeris dalam cerpen mereka atau tidak.

Jadual 4.23: Pengakuan Penggunaan Kata Inggeris dalam Cerpen Tamil oleh Responden Kajian

Pengakuan	Bilangan (%)		Jumlah (%)
	Pengalaman Penulisan lebih daripada 10 tahun	Pengalaman Penulisan kurang daripada 10 tahun	
Ya	4 (50.0%)	6 (75.0%)	10 (62.5%)
Tidak	4 (50.0%)	2 (25.0%)	6 (37.5%)

Jadual 4.23 menunjukkan bahawa 4 orang penulis (50.0%) yang berpengalaman lebih daripada 10 tahun mengakui bahawa mereka menggunakan lexis Inggeris dalam cerpen yang mereka hasilkan. Manakala 4 orang penulis (50.0%) lagi mengatakan bahawa mereka tidak menggunakan lexis Inggeris dalam cerpen mereka. Antara sebab penggunaan yang dinyatakan (Lampiran 6) ialah untuk mewujudkan situasi sebenar dalam perjalanan cerita dan digunakan dalam dialog watak-watak dalam cerita.

Bagi golongan penulis yang berpengalaman kurang daripada 10 tahun, 6 orang (75.0%) mengakui bahawa (Lampiran 6) mereka menggunakan lexis Inggeris dalam cerpen mereka. Hanya 2 orang (25.0%) menyatakan mereka tidak menggunakan lexis Inggeris dalam cerpen Tamil yang dihasilkan oleh mereka. Selain daripada sebab yang dinyatakan oleh kumpulan penulis yang berpengalaman lebih daripada 10 tahun, penulis-penulis muda ini menjelaskan bahawa (Lampiran 6) penggunaan lexis Inggeris dalam cerpen Tamil akan memudahkan penyampaian mesej dalam cerpen. Selain itu terdapat penulis yang berpendapat bahawa tidak perlu sangat penggunaan bahasa Tamil tulen dalam cerpen.

Daripada respon kedua-kedua kumpulan penulis dapat dirumuskan bahawa 62.5% daripada mereka menggunakan kata-kata Inggeris dalam cerpen Tamil. Penulis-penulis muda (75.0%) didapati lebih cenderung untuk menggunakan kata-kata Inggeris dalam cerpen Tamil berbanding penulis-penulis yang lebih tua (50.0%).

4.4.10 Penggunaan Leksis Inggeris dalam Cerpen Tamil dan Prestij Penulis

(Item 11)

Berikut adalah analisis respon penulis mengenai sama ada prestij mereka meningkat sebagai seorang penulis sastera moden atau tidak dengan menggunakan leksis Inggeris dalam cerpen Tamil. Item ini bertujuan untuk meninjau tentang tanggapan penulis mengenai kaitan antara prestij sebagai karyawan moden dengan penggunaan leksis Inggeris dalam cerpen mereka.

Jadual 4.24: Tanggapan Penulis mengenai Prestij mereka dengan menggunakan Leksis Inggeris

Tanggapan	Bilangan (%)		Jumlah (%)
	Pengalaman Penulisan lebih daripada 10 tahun	Pengalaman Penulisan kurang daripada 10 tahun	
Meningkatkan Prestij	-	-	0 (0.0%)
Tidak meningkatkan Prestij	4 (50.0%)	6 (75.0%)	10 (62.5%)
Tidak menjawab	4 (50.0%)	2 (25.0%)	6 (37.5%)

Daripada jadual di atas didapati tidak ada seorangpun penulis dari kedua-dua kumpulan yang mengaku bahawa penggunaan leksis Inggeris dalam cerpen akan meningkatkan prestij mereka sebagai karyawan moden. Malah terdapat 6 orang penulis (37.5%) tidak menjawab item ini. Hal ini mungkin memperlihatkan ketidakpastian mereka.

Dengan itu dapat disimpulkan bahawa penggunaan leksis Inggeris dalam cerpen Tamil tidak meningkatkan prestij penulis cerpen sebagai karyawan moden. Walau bagaimanapun proses pinjaman leksis Inggeris ke dalam cerpen Tamil didapati tetap berlaku dan majoriti penulis tidak dapat mengelakkannya dengan pelbagai alasan. Ini jelas membuktikan teori yang diketengahkan oleh McMohon, (1994:202) bahawa pinjaman akan berlaku dari bahasa yang lebih berprestij kepada bahasa yang kurang berprestij. Ini adalah kerana, bahasa Inggeris adalah bahasa berprestij tinggi berbanding bahasa Tamil di negara ini.

4.4.11 Sebab-sebab para penulis menggunakan Leksis Inggeris dalam Cerpen Tamil (Item 12)

Berikut adalah analisis mengenai sebab-sebab mengapa para penulis menggunakan leksis Inggeris dalam cerpen Tamil mengikut perspektif responden.

Jadual 4.25: Sebab-sebab para penulis menggunakan Leksis Inggeris dalam Cerpen Tamil

Sebab	Bilangan (%)		Jumlah (%)
	Pengalaman Penulisan lebih daripada 10 tahun	Pengalaman Penulisan kurang daripada 10 tahun	
Realiti dalam cerita	4 (50.0%)	6 (75.0%)	10 (62.5%)
Kekurangan perbendaharaan kata dalam bahasa Tamil	3 (37.5%)	5 (62.5%)	8 (50.0%)
Prestij	-	2 (25.0%)	2 (12.5%)
Tidak menjawab	4 (50.0%)	2 (25.0%)	6 (37.5%)

Penganalisan data dalam jadual 4.25 memberi satu gambaran yang jelas bahawa majoriti responden, iaitu seramai 10 orang (62.5%) mengakui bahawa para penulis cerpen Tamil menggunakan lexis bahasa Inggeris dalam cerpen Tamil untuk mewujudkan suasana sebenar ataupun realiti dalam karya sastera tersebut, iaitu penonjolan watak yang berpendidikan dan watak yang tidak tahu berbahasa Tamil (Lampiran 7). Daripada 10 orang ini, 6 responden adalah golongan yang berpengalaman kurang daripada 10 tahun dalam penulisan cerpen Tamil. Sebagai sebab kedua, para responden, iaitu seramai 8 orang (50.0%) telah menyatakan bahawa peminjaman lexis Inggeris ke dalam cerpen Tamil dilakukan oleh para penulis untuk mengelakkan kesukaran mencari sesuatu kata untuk merujuk benda-benda ciptaan baru atau konsep yang tiada istilah dalam bahasa Tamil (Lampiran 7). Daripada 8 responden ini 5 responden adalah golongan penulis yang berpengalaman lebih daripada 10 tahun dalam penulisan cerpen. Sebanyak 4 (25.0%) responden dari golongan penulis yang berpengalaman kurang daripada 10 tahun mengatakan, bahawa usaha untuk meningkatkan prestij dan stail dalam cerpen juga menjadi salah satu faktor pemilihan lexis Inggeris dalam penulisan cerpen Tamil (Lampiran 7).

Daripada jadual 4.25, didapati 6 orang (37.5%) responden tidak memberi sebarang pendapat tentang penggunaan lexis Inggeris dalam cerpen Tamil, tetapi 5 daripada 6 orang responden ini bersetuju dengan penggunaan lexis Inggeris dalam cerpen Tamil (Lampiran 6). Di sini, dapat disimpulkan bahawa 31.5% responden mungkin tidak berani mengetengahkan pendapat mereka.

Dapatan ini memberi gambaran yang jelas kepada kita bahawa kebanyakan penulis cerpen inginkan pasca moden dalam penulisan mereka yang mana watak yang ditonjolkan adalah daripada kumpulan yang berbagai-bagai etnik dan multilingual.

4.5 Penutup

Dalam bab ini, pengkaji telah membincangkan secara terperinci analisis data-data kajian daripada korpus kajian dan juga borang soal selidik. Seterusnya, dalam bab yang seterusnya pengkaji membuat rumusan tentang dapatan kajian yang dibincangkan dalam bab ini.